



Menggunakan gas LP dengan selamat

NO. 070089
AS2469-2005
T.M. 8.45 kg
E.W. 8.85 kg
W.C. 21.60 kg
T.P. 3.3 MPa
TEST DATE 01-10



Menggunakan Gas LP dengan selamat

Gas LP adalah selamat jika dikendalikan dengan betul ...

- Jika anda memiliki atau menyewa silinder Gas LP, anda harus mengetahui sifat-sifat asas gas termasuk juga prinsip-prinsip operasi dan kendalian dengan selamat.
- Sistem Gas LP yang dipasang dan dikendalikan dengan betul tidak berbahaya. Walaubagaimanapun, seperti bahan bakar yang lain, Gas LP harus dikendalikan dengan berhati-hati

Fakta-fakta berkenaan Gas LP

- Di bawah tekanan, Gas LP adalah dalam bentuk cecair. Apabila cecair dilepaskan, tekanan jatuh dan cecair mengewap menjadi gas. Ini bermakna bahawa ia dapat disimpan dan digunakan sebagai gas.
- Apabila dilepaskan daripada silinder, satu isipadu cecair berkembang kepada 270 kali isipadu asal apabila menjadi gas.
- Gas LP adalah 1.5 kali lebih berat dari udara. Ini bermakna Gas LP yang bocor akan turun ke paras lantai.
- Gas LP diberi bau yang tertentu untuk membantu mengesan kebocoran.



Disini adalah beberapa garis panduan

- Silinder gas tidak boleh diletak melentang. Selalu simpan silinder gas menegak. (Ini juga perlu dilakukan semasa pengangkutan, di mana mereka mesti juga diikat).
- Jangan mengganggu silinder atau injap. Jika tenaga yang berlebihan diperlukan untuk membuka atau menutup injap silinder, atau jika injap dirosakkan dalam berbagai cara, sila beritahu pembekal.
- Apabila kebocoran dikesan daripada injap silinder, alih silinder ke lokasi yang selamat sekurang-kurangnya 20 meter dari mana-mana punca pencucuhan dan apabila kosong, kembalikan kepada pembekal dengan notis yang ditampal menerangkan kerosakan tersebut.
- Pastikan bahawa silinder-silinder sentiasa disimpan jauh daripada punca-punca pencucuhan atau haba.
- Hanya guna peralatan yang direkabentuk untuk Gas LP yang ditanda dengan lensa atau label untuk tujuan ini.
- Pastikan bahawa peralatan gas hanya digunakan di ruangan yang cukup pengudaraannya.
- Pastikan bahawa kesemua sambungan gas dilakukan oleh orang yang diberi kuasa untuk melakukannya.
- Pemadam api jenis bahan kimia kering adalah sesuai untuk kebakaran Gas LP.
- Jika berlaku kebakaran, silinder Gas LP harus dijauhkan dari punca haba. Jika ini tidak mungkin, pastikan silinder sentiasa sejuk



Diuji January 2010

dengan semburan air ke atasnya. Jika api kebakaran mengancam melingkupi silinder, kawasan tersebut mesti dikosongkan dan perkhidmatan kecemasan diberitahu dengan serta-merta.

Maklumat silinder

- Silinder harus diluluskan setiap 10 tahun dari tarikh pegeluaran atau pengujian semula. Tarikh itu dicetak pada kolar silinder dan menunjukkan bulan dan tahun. Sebagai contoh, 01-10 bererti bahawa silinder dikeluarkan atau diuji semula pada bulan Januari 2010.
- Mengisi silinder yang rosak atau diluar tarikh ujian semula adalah menyalahi undang-undang dan adalah merbahaya.
- Silinder-silinder diluar tarikh ujian tidak boleh diisi sehingga diuji dan dicetak oleh stesen ujian silinder gas yang sah.

Nasihat boleh didapati dengan menghubungi pembekal-pembekal gas berikut:

Kleenheat Gas	Tal: 13 21 80
Origin Energy	Tal: 13 35 74
Elgas	Tal: 13 11 61

Beritahu yang berikut dalam kes kecemasan

Pembekal gas tempatan anda

Kleenheat Gas	Tal: 1800 093 336
Origin Energy	Tal: 1800 808 526
Elgas	Tal: 1800 819 783
atau	
EnergySafety	Tal: 1800 678 198
Police	Dial 000
Fire Brigade	Dial 000

Jabatan Perdagangan

Energy Safety Division (Bahagian Keselamatan Tenaga)

303 Sevenoaks Street (Cnr Grose Ave)
Cannington WA 6107

Talipon: (08) 9422 5200 Faks: (08) 9422 5244

Perlesenan: (08) 9422 5282

Perkhidmatan Geganti Nasional: 13 36 77

Alamat pos: PO Box 135 Cannington WA 6987

Laman web: www.energysafety.wa.gov.au

e-mel: energysafety@commerce.wa.gov.au

Pejabat-pejabat serantau

Goldfields/Esperance (08) 9026 3250

Great Southern (08) 9842 8366

Kimberley (08) 9191 8400

Mid-West (08) 9920 9800

North-West (08) 9185 0900

South-West (08) 9722 2888

Terdapat dalam bentuk-bentuk lain apabila diminta untuk membantu orang-orang dengan keperluan khas.

ESWA G012 1011